

Pampasan Pekerja: Panduan Untuk Majikan

Diterbitkan pada September 2012

Jika bahasa utama anda bukan bahasa Inggeris, anda masih boleh mendapatkan maklumat yang terkini mengenai sistem pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja ini. Untuk mendapatkan maklumat tentang khidmat jurubahasa ataupun untuk mendapatkan terjemahan terbitan-terbitan lain, sila hubungi Perkhidmatan Nasihat WorkCover WA melalui talian 1300 794 744 atau layarilah

www.workcover.wa.gov.au/translations

Perundangan tentang pampasan pekerja disediakan oleh State Law Publisher di

www.slp.wa.gov.au

Penolak Tuntutan

Terbitan ini mengandungi maklumat mengenai pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja. Terbitan ini bertujuan menyediakan maklumat am sahaja. Jangan bertindak atau tidak bertindak berdasarkan apa-apa yang terkandung di dalam brosur ini. Brosur ini perlu dibaca sehubungan dengan *Akta Pengurusan Pampasan Dan Kecederaan Pekerja 1981*. Anda harus mendapatkan nasihat undang-undang/profesional yang sewajarnya mengenai keadaan anda secara khusus.

© 2012 WorkCover Western Australia. Hak cipta terpelihara

WorkCover WA

2 Bedbrook Place

Shenton Park WA 6008

Telefon: (08) 9388 5555

Faks: (08) 9388 5550

Unit Nasihat Dan Bantuan: 1300 794 744

TTY (cacat pendengaran): (08) 9388 5537

E-mel: postmaster@workcover.wa.gov.au

Laman Web: www.workcover.wa.gov.au

Perihal WorkCover WA

WorkCover WA ialah agensi kerajaan yang bertanggungjawab menyelia skim pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja di Western Australia.

Ini merangkumi tugas memantau kepatuhan kepada *Akta Pengurusan Pampasan Dan Kecederaan Pekerja 1981*, memaklumkan dan mendidik pekerja, majikan dan pihak-pihak lain tentang pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja, dan menyediakan sistem penyelesaian pertikaian yang bebas.

Menguruskan pampasan pekerja

Apabila berlaku kecederaan di tempat kerja, kesannya mungkin besar terhadap pekerja yang terlibat dan juga terhadap majikannya. Undang-undang pampasan pekerja di WA bertujuan memastikan bahawa seandainya berlaku kecederaan, kedua-dua pihak dilindungi.

Panduan anda tentang pampasan pekerja

Risalah ini bertujuan membantu majikan memenuhi tanggungjawab mereka di bawah *Akta Pengurusan Pampasan Dan Kecederaan Pekerja 1981* (Akta) dengan menggariskan pendekatan tiga langkah untuk menguruskan insurans pampasan dan tuntutan pekerja dengan berkesan.

WorkCover WA juga menerbitkan panduan tentang pengurusan kecederaan (*Pengurusan Kecederaan: Panduan Untuk Majikan*). Panduan itu, berserta risalah ini, menyediakan rujukan yang menyeluruh untuk majikan tentang pampasan pekerja. Risalah ini dan juga sumber-sumber tambahan yang lain untuk majikan disediakan pada laman web WorkCover WA www.workcover.wa.gov.au

Unit Nasihat Dan Bantuan WorkCover WA (Tel: 1300 794 744) juga boleh memberikan maklumat dan penjelasan selanjutnya mengenai topik-topik yang diliputi di dalam risalah ini.

Tiga Langkah Menguruskan Pampasan Pekerja Dengan Berkesan

Langkah 1 Memahami Pampasan Pekerja

Skim pampasan pekerja

1.1 Apakah pampasan pekerja?

Pampasan pekerja ialah sagu hati kewangan yang diberikan kepada pekerja yang tercedera atau yang jatuh sakit akibat kerjanya, dan boleh merangkumi:

- bayaran mingguan untuk menggantikan kehilangan pendapatan
- bayaran pukal jika kecederaannya menyebabkan kecacatan kekal
- bantuan untuk menampung belanja perubatan dan belanja-belanja lain yang berkaitan dengannya; dan
- bantuan khidmat pemulihan di tempat kerja untuk kembali bekerja.

Mana-mana pekerja yang tercedera atau yang jatuh sakit akibat kerja dan memerlukan rawatan perubatan ataupun cuti tanpa bekerja berhak menuntut pampasan pekerja.

1.2 Pampasan pekerja di WA

Skim pampasan pekerja di WA ditadbir oleh WorkCover WA selaras dengan Akta, yang mempunyai dua tujuan utama:

- memastikan bahawa kecederaan di tempat kerja diuruskan dengan cara yang membolehkan pekerja yang tercedera kembali bekerja dengan cepat dan selamat; dan
- memastikan bahawa pekerja yang tercedera dibayar pampasan untuk kehilangan upah, belanja perubatan dan kos-kos yang berkaitan dengannya semasa pekerja itu tidak dapat bekerja.

Hak dan kewajipan majikan, pekerja dan pihak-pihak penting yang lain di dalam skim ini tertakrif di bawah Akta. Selaku majikan, antara tanggungjawab anda yang utama ialah menyediakan:

- polisi insurans pampasan pekerja yang sah untuk melindungi semua pekerja anda; dan
- sistem pengurusan kecederaan berdokumen untuk tempat kerja anda. Anda juga mesti memastikan bahawa jika berlaku sesuatu kecederaan, tuntutan pampasan pekerja diuruskan selaras dengan syarat-syarat yang digariskan di bawah Akta. Denda yang besar akan dikenakan jika berlaku ketidakpatuhan.

Insurans Pampasan Pekerja

1.3 Apakah insurans pampasan pekerja?

Di bawah sistem pampasan pekerja WA yang tidak didasarkan pada kesalahan mana-mana pihak, majikan bertanggungjawab membayar kos pampasan berkanun untuk pekerja yang tercedera tanpa mengira siapa yang bersalah. Insurans pampasan pekerja menanggung kerugian majikan akibat liabiliti ini, iaitu kos dan belanja yang timbul daripada tuntutan pampasan pekerja akan dibayar oleh penanggung insurans.

1.4 Mengapakah anda memerlukannya?

Selain menjadi keperluan yang diwajibkan di bawah Akta, insurans pampasan pekerja boleh melindungi perniagaan anda daripada kesan tuntutan pampasan pekerja dari segi kewangan dan operasi.

Seandainya berlaku kecederaan yang bersabit dengan kerja, polisi insurans anda memberikan perlindungan terhadap:

- bayaran pampasan pekerja berkanun; dan
- kos guaman, bayaran mahkamah dan ganti rugi jika tuntutan dibuat di bawah *common law* terhadap anda oleh pekerja yang tercedera.

Penanggung insurans anda juga dapat memudahkan pengurusan dan pentadbiran tuntutan dengan:

- menasihati anda tentang prosedur tuntutan yang betul
- menganggarkan kos tuntutan
- menyertai proses pengurusan kecederaan atas permintaan anda, termasuklah memudahkan komunikasi antara pengamal perubatan yang merawat pekerja tersebut dengan anda
- membantu dengan program kembali bekerja dan pengenalpastian tuntutan yang mungkin memerlukan pemulihan di tempat kerja; dan
- mewakili anda melalui proses pendamaian dan penimbangtaraan jika berlaku pertikaian.

Penting

Tuntutan pampasan pekerja boleh menyebabkan perniagaan mengalami kerugian beratus-ratus ribu dolar berupa kos guaman, denda dan manfaat yang perlu dibayar kepada pekerja yang tercedera. Jika anda tidak mempunyai insurans dan salah seorang pekerja anda tercedera akibat kerja, anda mungkin terpaksa menanggung:

- pampasan kepada pekerja yang tercedera itu, yang boleh mencapai ratusan ribu dolar jumlahnya
- kos guaman, termasuklah bayaran mahkamah dan ganti rugi yang diberikan kepada pekerja itu jika tuntutan dibuat di bawah *common law*; dan
- denda dan hukuman kerana tidak mempunyai insurans yang sah.

1.5 Siapakah yang perlu anda lindungi?

Setiap perniagaan mestilah menyediakan perlindungan insurans pampasan pekerja untuk semua pekerjanya yang memenuhi definisi pekerja di bawah seksyen 5 Akta. Ini merangkumi:

- pekerja sepenuh masa yang dibayar upah atau gaji
- pekerja separuh masa, pekerja sambilan dan pekerja musiman
- pekerja yang dibayar komisen
- pekerja yang dibayar mengikut masa

dan dalam sesetengah keadaan:

- kontraktor dan subkontraktor
- pengarah yang bekerja

Jika anda ragu-ragu tentang kewajipan anda menyediakan insurans pampasan pekerja untuk mana-mana pekerja anda atau sesiapa yang anda gunakan khidmatnya, anda haruslah meminta nasihat penanggung insurans anda atau mendapatkan nasihat undang-undang.

1.5.1 Melindungi kontraktor dan subkontraktor

Penting bahawa kewajipan anda dari segi insurans ditentukan dengan tepat berhubung dengan kontraktor dan subkontraktor, kerana dua pihak atau lebih mungkin dipertanggungjawabkan bersama untuk menyediakan insurans bagi pekerja yang menjalankan kerja kontrak. Sebagai contoh, dalam rantaian kontrak yang melibatkan majikan (prinsipal), kontraktor dan juga subkontraktor, setiap pihak mestilah mempunyai polisi insurans pampasan pekerja yang sah untuk melindungi para pekerja subkontraktor.

Terbitan WorkCover WA yang bertajuk, *Nota Teknikal Mengenai Pampasan Kontraktor Dan Pekerja* dapat memberikan penjelasan tentang kewajipan anda di sisi undang-undang berhubung dengan kontraktor dan subkontraktor.

1.6 Berapakah kosnya?

Kadar premium bagi insurans pampasan pekerja bergantung pada:

- industri perniagaan anda
- amaun upah yang dibayar kepada pekerja anda; dan
- sejarah tuntutan anda.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang penghitungan premium, lihat Penghitungan Premium di bawah ini.

1.7 Apakah yang berhak diterima oleh pekerja yang tercedera?

Bayaran yang berhak diterima bergantung pada keadaan setiap tuntutan, tetapi boleh merangkumi bayaran pampasan bagi:

- Kehilangan pendapatan: Amaun bayaran bergantung pada jenis award pekerja (perindustrian atau bukan perindustrian) dan asas perjawatannya (sepenuh masa, separuh masa atau sambilan).
- Belanja perubatan: Belanja yang berpatutan boleh dituntut bagi pelbagai jenis rawatan, termasuklah pertolongan cemas dan khidmat ambulans, ubat-ubatan, rawatan perubatan atau pembedahan, rawatan pergigian, fisioterapi, rawatan kiropraktik, rawatan di hospital dan rawatan pakar.
- Belanja pemulihan di tempat kerja: Pemulihan di tempat kerja ialah perkhidmatan khusus yang dapat membantu pekerja meneruskan pekerjaan ataupun kembali bekerja selepas tercedera. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, lihat terbitan WorkCover WA yang bertajuk, *Pengurusan Kecederaan: Panduan Untuk Majikan*.
- Belanja perjalanan dan belanja-belanja lain: Belanja perjalanan yang berpatutan boleh dituntut bagi perjalanan pergi balik ke pusat rawatan pemulihan dan perubatan. Bayaran ini juga boleh merangkumi belanja makan minum dan penginapan yang berpatutan jika pekerja yang tercedera itu tinggal di kawasan *regional*.
- Kecacatan kekal: Beberapa manfaat tambahan, termasuklah bayaran pampasan pukal, boleh dituntut oleh pekerja yang mengalami kecacatan fizikal atau psikologi kekal akibat kecederaan yang bersabit dengan kerja.

Amaun Yang Ditetapkan

Had dikenakan bagi amaun atau nilai keseluruhan pampasan yang boleh diterima oleh pekerja yang tercedera bagi setiap jenis hak sepanjang jangka masa tuntutannya.

Amaun maksimum diselaraskan setiap tahun berdasarkan Indeks Harga Buruh Biro Statistik Australia (ABS). Untuk mengetahui amaun terkini, hubungilah penanggung insurans anda atau sila rujuk kepada jadual Amaun Yang Ditetapkan pada laman web WorkCover WA.

Langkah 2 Menyediakan Tempat Kerja Anda

Mendapatkan Insurans

2.1 Mencari penanggung insurans

Senarai penanggung insurans yang diluluskan untuk menaja jamin insurans pampasan pekerja disediakan pada laman web WorkCover WA. Ada majikan yang mungkin lebih suka menggunakan perkhidmatan broker insurans untuk berunding dengan penanggung insurans bagi pihak mereka. *Tataamalan Broker Insurans* (disediakan pada laman web WorkCover WA) menerangkan apa yang boleh anda harapkan apabila berurusan dengan broker insurans pampasan pekerja dan tanggungjawab setiap pihak dalam proses ini.

2.2 Mendapatkan sebut harga

Untuk mendapatkan sebut harga, anda perlu memberi penanggung insurans atau broker:

- anggaran upah tahunan kasar bagi semua pekerja anda sepanjang tempoh polisi
- keterangan penuh mengenai kegiatan perniagaan yang dijalankan di setiap lokasi kerja
- bilangan pekerja anda; dan
- butir-butir sejarah tuntutan anda (ini boleh didapati daripada penanggung insurans anda sekarang atau yang sebelumnya).

2.2.1 Menghitung kos upah anda

Penting bahawa anda menghitung kos upah anda dengan tepat kerana anggaran yang anda berikan kepada penanggung insurans akan menentukan premium yang digunakan bagi polisi insurans anda.

Upah merangkumi segala gaji, imbuhan, komisen, bonus, bayaran lebih masa, elaun dan manfaat-manfaat lain yang dibayar kepada pekerja sebelum dipotong cukai. Bayaran penamatan khidmat, persaraan dan pengurangan pekerja, serta pencen dan caruman simpanan persaraan yang *wajib* tidak perlu dimasukkan ke dalam penghitungan anda.

Memberikan anggaran yang tepat akan mengurangkan keperluan melakukan pelarasan yang besar pada akhir tempoh polisi. Penanggung insurans akan meminta anda menandatangani borang perakuan upah sebelum polisi anda dikeluarkan.

2.3 Memilih penanggung insurans

Walaupun semua polisi insurans pampasan pekerja didasarkan pada polisi tanggung rugi standard yang diluluskan oleh WorkCover WA, namun mungkin ada perbezaan pada kos premium dan pada perkhidmatan yang terangkum antara setiap penanggung insurans.

Berkenaan kos, penanggung insurans boleh mendiskaun kadar premium yang disarankan mengikut budi bicaranya sendiri atau mengenakan surcaj sehingga 75% berdasarkan profil risiko anda. Penanggung insurans juga mungkin berbeza dari segi pengkhususan industri, proses pentadbiran dan pengurusan kes, fleksibiliti dan taraf perkhidmatan. Semasa memilih penanggung insurans, anda perlu menentukan syarikat insurans dan syarat-syarat polisi yang paling tepat memenuhi keperluan khusus perniagaan anda.

Penghitungan premium

Premium dihitung oleh penanggung insurans pada empat peringkat:

Peringkat 1:

Penanggung insurans menentukan kadar premium yang disarankan bagi industri dan bagi kegiatan perniagaan anda berdasarkan Sistem Pengelasan Perindustrian Piawai Australia Dan New Zealand (ANZSIC).

Peringkat 2:

Kadar premium yang disarankan didarabkan dengan anggaran upah kasar anda.

Peringkat 3:

Penanggung insurans mungkin memberikan diskaun mengikut budi bicaranya sendiri atau mengenakan surcaj sehingga 75% bergantung pada profil risiko anda.

(Surcaj yang melebihi 75% boleh dikenakan dengan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada WorkCover WA.)

Peringkat 4:

Premium anda dilaraskan pada penghujung tempoh polisi anda berdasarkan upah sebenar yang dibayar sepanjang tempoh tersebut. Jika ada perbezaan, amaun perbezaan itu akan digantikan bayarannya oleh penanggung insurans ataupun dibayar kepada penanggung insurans.

2.4 Mengaktifkan dan mengekalkan polisi anda

Untuk mengaktifkan polisi anda, anda perlu memberi penanggung insurans perakuan anggaran upah yang ditandatangani dan membayar premium tersebut. Penting bahawa anda benar-benar memahami syarat-syarat polisi anda dan mendapatkan penjelasan mengenai apa-apa isu daripada penanggung insurans anda.

Membuat rayuan berkenaan premium anda

Jika anda tidak bersetuju dengan premium anda, anda boleh membuat rayuan sama ada berkenaan:

- pengelasan industri yang ditentukan bagi perniagaan anda; atau
- pelarasan premium yang dibuat oleh penanggung insurans.

Rayuan mestilah dikemukakan kepada WorkCover WA dalam masa satu bulan selepas tarikh anda dimaklumkan mengenai pengelasan tersebut atau mengenai premium yang perlu dibayar.

Anda mestilah membayar premium itu walaupun anda ingin membuat rayuan. Jika rayuan anda berjaya, perbezaan bayaran itu akan dipulangkan kepada anda.

Untuk mengurangkan premium anda

Menambahbaikkan proses pengurusan keselamatan dan kecederaan di tempat kerja anda mungkin dapat mengurangkan premium anda.

Bincangkan dengan penanggung insurans anda langkah-langkah yang boleh anda ambil untuk mengurangkan premium pampasan pekerja anda. Ada penanggung insurans yang menawarkan perkhidmatan pengurusan risiko untuk membantu anda menambahbaikkan amalan pencegahan dan pengurusan kecederaan di tempat kerja anda.

Perubahan pada perniagaan anda

Jika terdapat perubahan pada bilangan pekerja anda atau jenis kerja yang dilakukan oleh perniagaan anda, maklumkan kepada penanggung insurans anda dengan segera kerana perubahan begini mungkin memerlukan semakan semula polisi dan premium anda.

Pelarasan upah

Pada penghujung tempoh polisi, anda perlu menyerahkan penyata yang menunjukkan nilai upah sebenar yang dibayar sepanjang tempoh polisi. Penanggung insurans anda akan melaraskan premium dan mengambil kira perbezaannya apabila premium anda diperbaharui.

Tarikh-tarikh penting

Di bawah Akta, penanggung insurans anda wajib memberikan makluman mengenai tarikh-tarikh penting dan juga tarikh-tarikh tutup yang berkaitan dengan polisi dan tuntutan anda, dan memberitahu anda apabila tiba masanya polisi anda perlu diperbaharui.

Walau bagaimanapun, menjadi tanggungjawab anda sebagai majikan untuk memastikan bahawa polisi anda diperbaharui dan masih sah.

2.5 Apa yang boleh anda harapkan daripada penanggung insurans anda

WorkCover WA bekerja rapat dengan industri insurans untuk menetapkan dan mengekalkan piawaian amalan yang terbaik bagi penanggung insurans yang menguruskan skim pampasan pekerja.

Selain syarat-syarat yang digariskan pada polisi insurans anda, *Garis Panduan Amalan Terbaik Penanggung Insurans Berlesen* bertujuan memastikan bahawa piawaian yang konsisten bagi pengurusan tuntutan diikuti oleh semua penanggung insurans berlesen yang menguruskan pampasan pekerja di WA.

Jika anda menggunakan broker insurans untuk menguruskan aturan pampasan pekerja anda, *Tataamalan Broker Insurans* yang baru telah dihasilkan setelah berunding dengan industri insurans pampasan pekerja untuk menggalakkan interaksi yang lebih berkesan antara broker insurans dengan klien mereka.

Tataamalan ini menggariskan apa yang boleh diharapkan oleh majikan daripada broker insurans mereka serta peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang penting apabila mengeluarkan atau memperbaharui polisi.

Kedua-dua dokumen ini boleh dimuat turun daripada laman web WorkCover WA.

Kewajipan yang lain di bawah Akta

2.6 Pengurusan kecederaan

Di bawah Akta, semua majikan diwajibkan menyediakan sistem pengurusan kecederaan yang berdokumen. Ini prosedur bertulis yang menerangkan langkah-langkah yang akan diambil jika berlaku kecederaan di tempat kerja. Majikan juga mungkin dikehendaki menghasilkan program kembali bekerja yang bertulis untuk pekerja yang tercedera, setelah berunding dengan pengamal perubatan pekerja atau dengan penanggung insurans. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, sila rujuk kepada terbitan yang bertajuk, *Pengurusan Kecederaan: Panduan Untuk Majikan*, yang menggariskan pendekatan tiga langkah untuk menguruskan kecederaan dengan berkesan.

2.7 Hilang pendengaran akibat hingar

Jika pekerja anda bekerja dalam persekitaran kerja yang bising, anda mungkin memikul kewajipan tambahan berhubung dengan masalah hilang pendengaran akibat hingar di bawah Akta.

Jika pekerja berkemungkinan akan terdedah kepada aras hingar kira-kira 90dB(A) sepanjang tempoh lapan jam dalam satu hari kerja yang biasa, anda mestilah mengatur dan membayar untuk pekerja tersebut menjalani ujian pendengaran garis dasar oleh penguji audiometer yang diluluskan oleh WorkCover WA dalam masa 12 bulan selepas dia mula bekerja.

Sebagai panduan, 90dB(A) itu kira-kira sama dengan hingar daripada enjin trak berat yang hidup pada jarak satu meter. Ujian pendengaran garis dasar diwajibkan

bagi pekerja yang mungkin mengalami aras hingar yang melebihi 140dB(lin), walaupun untuk masa yang singkat.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, sila rujuk kepada terbitan WorkCover WA yang bertajuk, *Panduan Tentang Kehilangan Pendengaran Akibat Hingar* atau layarilah laman web WorkCover WA. Senarai penguji audiometer yang diluluskan juga boleh didapati daripada laman web tersebut.

Langkah 3 Menguruskan Tuntutan

Proses Tuntutan

3.1 Memulakan tuntutan

Langkah-langkah yang berikut perlu diikuti jika berlaku kecederaan di tempat kerja:

- Berikan pertolongan cemas kepada pekerja yang tercedera itu dan laporkan kecederaan tersebut melalui sistem pelaporan kejadian anda
- Bawa pekerja tersebut berjumpa dengan doktor pilihannya dengan secepat mungkin
- Minta pekerja tersebut mendapatkan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor daripada doktor yang merawatnya
- Berikan Borang Tuntutan Pampasan Pekerja kepada pekerja tersebut dan minta dia isikan bahagian pekerja
- Dapatkan Borang Tuntutan yang telah diisi dan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor daripada pekerja yang tercedera itu
- Isikan bahagian majikan pada Borang Tuntutan tersebut
- Buat salinan kedua-dua dokumen itu sebagai rekod anda dan rekod pekerja
- Isikan borang laporan majikan yang disediakan oleh penanggung insurans anda
- Serahkan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor dan Borang Tuntutan kepada penanggung insurans dalam masa 5 hari dari tarikh penerimaannya daripada pekerja yang tercedera itu. Denda sehingga \$1,000 boleh dikenakan jika anda tidak menyerahkan dokumen-dokumen tersebut dalam masa yang ditetapkan.

Kecederaan yang perlu dilaporkan

Di bawah peruntukan *Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1984*, anda mesti memaklumkan kepada WorkSafe melalui talian 1800 678 198 jika sesuatu kecederaan berkemungkinan akan menyebabkan seseorang pekerja itu tidak dapat bekerja selama 10 hari berturut-turut. Senarai kecederaan dan penyakit yang perlu dilaporkan boleh didapati pada laman web www.commerce.wa.gov.au/worksafe.

3.2 Penilaian tuntutan

Bukannya majikan yang menentukan liabiliti terhadap tuntutan. Selepas menerima dokumentasi, pengurus kes yang ditugaskan oleh penanggung insurans anda mungkin akan menghubungi anda, pekerja yang tercedera itu dan doktor yang

merawatnya untuk mendapatkan maklumat selanjutnya dengan tujuan menentukan liabiliti dan bayaran yang berhak diterima.

Penanggung insurans diberi masa 14 hari untuk memaklumkan keputusannya kepada anda dan kepada pekerja yang berkenaan.

3.2.1 Sementara tuntutan dinilai

Belanja perubatan

Pekerja yang tercedera bertanggungjawab menanggung kos rawatan perubatan bagi kecederaannya sehinggalah keputusan tentang liabiliti dibuat oleh penanggung insurans. Penting bahawa pekerja tersebut menyimpan semua resit pembayaran pada masa ini. Kos ini akan digantikan bayarannya oleh penanggung insurans jika tuntutan pekerja diterima. Walau bagaimanapun, anda harus menasihatkan agar pekerja tersebut membandingkan bayaran yang dikenakan oleh pemberi rawatan dengan kadar bayaran yang ditetapkan (diterbitkan oleh WorkCover WA) kerana perbezaannya, jika ada, tidak akan dibayar oleh penanggung insurans mahupun oleh majikan.

Bayaran cuti pilihan

Sementara menunggu keputusan tentang sesuatu tuntutan, mungkin elok jika anda mempertimbangkan pembayaran cuti terakru, seperti cuti tahunan atau cuti sakit, kepada pekerja yang tercedera. Penting bahawa anda mendapat persetujuan pekerja yang berkenaan sebelum bertindak sedemikian dan memaklumkan kepada pekerja tersebut bahawa:

- bayaran cuti bukanlah alternatif bagi pampasan pekerja
- bayaran cuti diterima secara sukarela semata-mata dan tidak akan menjejaskan haknya mendapat pampasan pekerja dengan apa-apa cara sekalipun; dan
- cuti yang berhak diterimanya akan dikreditkan semula kepada pekerja jika tuntutannya diterima.

3.3 Hasil tuntutan

Penanggung insurans anda dikehendaki memaklumkan keputusannya kepada anda dan kepada pekerja yang tercedera itu secara bertulis dalam masa 14 hari, iaitu sama ada tuntutan diterima, dipertikaikan ataupun masih tidak dapat diputuskan (belum selesai). Penanggung insurans akan memberikan nombor tuntutan yang perlu dinyatakan dalam semua surat-menyurat yang berkaitan dengannya.

- Diterima – Pembayaran pampasan pekerja akan bermula. Jika kecederaan pekerja menghalangnya bekerja, anda mesti mula membuat bayaran pengganti pendapatan (bayaran mingguan) sebaik sahaja anda diminta berbuat demikian oleh penanggung insurans anda. Sila rujuk kepada bahagian *Menguruskan Pampasan* (muka surat 12) untuk mendapatkan maklumat tentang proses pembayaran.

- **Dipertikaikan** – Pampasan tidak akan dibayar kepada pekerja yang tercedera. Penanggung insurans anda akan memaklumkan sebabnya kepada anda dan kepada pekerja tersebut. Jika pekerja tidak bersetuju dengan keputusan tersebut, dia boleh berjumpa dengan penanggung insurans untuk memohon agar perkara tersebut dibicarakan mengikut prosedur penyelesaian pertikaian dalaman penanggung insurans. Permohonan boleh juga dibuat kepada Perkhidmatan Pendamaian Dan Penimbangtaraan (CAS) WorkCover WA untuk mendapatkan bantuan menyelesaikan pertikaian tersebut.
- **Keputusan Belum Dibuat** – Tuntutan ditahan dahulu sehingga maklumat selanjutnya diterima. Penanggung insurans diberi 10 hari lagi untuk membuat keputusan atau tuntutan dianggap sebagai dipertikaikan, dan seterusnya anda atau pekerja tersebut boleh memohon kepada CAS untuk mendapatkan bantuan.

Menguruskan Pampasan

3.4 Membuat bayaran mingguan

Jika tuntutan diterima oleh penanggung insurans, pekerja yang tercedera berhak menerima bayaran pampasan untuk kehilangan pendapatan. Ini disebut 'bayaran mingguan'. Walau bagaimanapun, pembayaran mungkin dibuat setiap minggu, dua minggu sekali ataupun setiap bulan, bergantung pada cara pekerja itu biasanya dibayar. Walaupun kos-kos ini akan digantikan bayarannya oleh penanggung insurans anda selaras dengan perjanjian polisi anda, namun anda bertanggungjawab membuat bayaran ini kepada pekerja tersebut dahulu.

Penanggung insurans anda akan menghitung bayaran mingguan yang berhak diterima oleh pekerja tersebut dan memberitahu anda amaun bayaran yang betul yang perlu dibuat. Anda mestilah mula membayar sebaik sahaja dimaklumkan oleh penanggung insurans dan membayar pekerja tersebut pada hari gajinya yang biasa. Denda akan dikenakan jika anda tidak membuat bayaran ini tepat pada masanya. Penanggung insurans anda akan memberitahu anda jika dan apabila bayaran mingguan ini perlu diubah. Aturan pembayaran ganti perlu dibincangkan dengan penanggung insurans anda.

Jika, atas apa-apa sebab, anda tidak dapat membuat bayaran seperti yang diarahkan, anda haruslah menghubungi penanggung insurans anda dengan secepat mungkin. Jika anda tidak dapat menyelesaikan hal tersebut dengan penanggung insurans anda, hubungilah Unit Nasihat Dan Bantuan WorkCover WA.

3.5 Menguruskan akaun perubatan

Apabila anda berjumpa dengan pembekal khidmat perubatan untuk menjalani pemeriksaan atau rawatan, pekerja yang tercedera biasanya dikehendaki membayar dahulu, walaupun ada beberapa pembekal khidmat yang mungkin mengeluarkan invois untuk dijelaskan sendiri oleh penanggung insurans. Semua akaun dan invois perlu menyatakan nombor tuntutan dan dimajukan kepada penanggung insurans dengan secepat mungkin untuk memastikan bayaran atau bayaran ganti yang cepat.

Pekerja perlu maklum bahawa bayaran yang melebihi kadar yang ditetapkan seperti yang disiarkan oleh WorkCover WA perlu ditanggung sendiri oleh pekerja.

Bergantung pada proses pengurusan tuntutan yang telah dipersetujui dengan penanggung insurans, pekerja boleh berurusan terus dengan penanggung insurans berkenaan dengan bayaran ganti atau bayaran akaun, atau majikan boleh melakukannya bagi pihak pekerja tersebut. Majikan digalakkan menguruskan akaun perubatan untuk pekerja yang tercedera selaras dengan *Tataamalan Pampasan Pekerja (Pengurusan Kecederaan) 2005*.

3.6 Mendapatkan pendapat kedua

Pekerja berhak berjumpa dengan pengamal perubatan pilihannya sendiri untuk mendapatkan khidmat rawatan dan pengurusan bagi kecederaan yang bersabit dengan kerja. Walau bagaimanapun, jika anda tidak bersetuju dengan sesuatu penilaian perubatan atau anda mahukan pendapat kedua, anda boleh memohon pemeriksaan perubatan melalui penanggung insurans anda.

Tertakluk kepada persetujuan penanggung insurans, janji temu akan diatur bagi pihak pekerja yang tercedera itu untuk berjumpa dengan pengamal perubatan yang bebas. Jika pekerja tersebut tidak menghadiri janji temu ini tanpa alasan yang munasabah, bayaran mingguan yang sedang diterimanya itu mungkin terjejas.

Pekerja tidak boleh disuruh menjalani pemeriksaan perubatan atas permintaan penanggung insurans lebih daripada sekali dalam tempoh dua minggu atau pada bila-bila masa selain waktu yang munasabah.

Kembali Bekerja Dan Pengurusan Kecederaan

Kembali bekerja dengan segera ialah hasil yang terbaik bagi pekerja yang tercedera kerana semakin lama seseorang pekerja itu tidak bekerja, semakin besarlah kemungkinannya dia tidak akan kembali bekerja langsung. Penting bahawa majikan terus terlibat sepanjang proses tuntutan dijalankan dan berusaha seiring dengan pekerja yang tercedera, penanggung insurans dan pengamal perubatan yang merawat untuk menjayakan hasil ini.

Doktor yang merawat pekerja tersebut akan memaklumkan bila masanya pekerja dapat kembali bekerja dan apa-apa syarat yang perlu dipatuhinya setelah kembali bekerja.

3.7 Mengekalkan perjawatan

Anda berkewajipan mengekalkan perjawatan pekerja tersebut, tanpa mengisi jawatannya yang asal, selama 12 bulan selepas dia tercedera. Jika jawatan itu sudah diisi atau pekerja itu tidak lagi mampu memainkan peranan tersebut setelah dia kembali bekerja, anda mestilah memberi pekerja itu jawatan yang setaraf dari segi pangkat dan gaji, dan yang layak serta mampu dilakukan oleh pekerja tersebut.

Jika anda ingin menamatkan perkhidmatan pekerja itu dalam tempoh 12 bulan tersebut, anda mestilah memberikan notis 28 hari tentang hasrat anda ini kepada pekerja itu dan juga kepada WorkCover WA. WorkCover WA boleh menjalankan penyiasatan selanjutnya untuk menentukan sama ada obligasi anda di sisi undang-undang telah dilanggar berhubung dengan perjawatan pekerja itu.

3.8 Kembali bekerja dengan tugas yang diubahsuaikan

Jika sifat kecederaan pekerja tersebut memerlukan penyesuaian, larangan atau perubahan yang kekal pada tugasnya, doktor boleh menyatakan keperluan mengadakan Program Kembali Bekerja berdokumen yang perlu disusun oleh majikan setelah berunding dengan pekerja yang tercedera itu. Pakar Pemulihan Di Tempat Kerja Yang Diluluskan (AWRP) juga boleh dilantik untuk membantu dengan pengurusan kes, latihan semula dan penempatan pekerjaan pekerja ini jika perlu. Maklumat yang terperinci boleh didapati di dalam terbitan yang bertajuk, *Pengurusan Kecederaan: Panduan Untuk Majikan*.

Menyelesaikan pertikaian

Jika ada pertikaian yang timbul yang tidak dapat diselesaikan oleh anda atau oleh penanggung insurans anda, maka anda boleh memohon bantuan Perkhidmatan Pendamaian Dan Penimbangtaraan (CAS) WorkCover WA untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. CAS menyediakan sistem yang adil dan berbaloi dengan kosnya untuk menyelesaikan ketidaksetujuan mengenai isu-isu pampasan pekerja atau pengurusan kecederaan. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, rujuk terbitan *Apakah yang akan berlaku jika terdapat pertikaian?* yang disediakan pada laman web WorkCover WA.

Senarai Semak Untuk Majikan

Insurans

1. Dapatkan dan kekalkan perlindungan insurans bagi amaun liabiliti sepenuhnya untuk membayar pampasan pekerja atau ganti rugi kepada semua pekerja.
2. Pastikan bahawa premium dibayar mengikut syarat-syarat kredit yang diberikan oleh penanggung insurans atau broker.
3. Semua maklumat yang diberikan kepada penanggung insurans atau broker mestilah benar dan betul, dan diberikan tepat pada masanya.
4. Anda sentiasa memikul tanggungjawab memberikan maklumat yang tepat, iaitu perakuan upah (sebenar/anggaran), bilangan pekerja dan sebagainya. **Sengaja memberikan maklumat yang palsu adalah suatu kesalahan. WorkCover WA boleh mendapatkan premium yang belum dibayar daripada majikan.**
5. Sediakan perakuan kekinian yang sah bagi perlindungan insurans pampasan pekerja yang dikeluarkan oleh pejabat insurans supaya boleh diperiksa di tempat perniagaan utama majikan di Western Australia (beberapa pengecualian diberikan jika ini tidak dapat dilakukan).
6. Berikan kerjasama kepada pemeriksa WorkCover WA untuk memastikan bahawa anda mempunyai perlindungan yang sesuai. **Denda akan dikenakan jika kerjasama sepenuhnya tidak diberikan kepada pemeriksa.**

Proses Tuntutan

1. Hantarkan borang tuntutan pampasan pekerja yang sudah diisi dan surat akuan pertama oleh doktor kepada penanggung insurans dalam masa **5 hari kerja** dari tarikh anda menerimanya daripada pekerja yang tercedera itu.

Pampasan

1. Bayar pampasan pada hari gaji biasa pekerja itu:
 - dalam masa 14 hari selepas dimaklumkan oleh penanggung insurans bahawa tuntutan tersebut diterima; atau
 - sebaik sahaja tamat tempoh 14 hari yang diberikan kepada penanggung insurans untuk membuat keputusan, walaupun pemberitahuan tidak diterima daripada penanggung insurans; atau
 - jika diperintahkan berbuat demikian oleh penimbang tara atau diarahkan berbuat demikian oleh pegawai pendamai.

Bayaran pampasan tidak boleh dihentikan atau dikurangkan jika perbuatan ini tidak selaras dengan undang-undang. **Tidak membayar pampasan tepat pada masanya adalah suatu kesalahan dan denda akan dikenakan bagi setiap bayaran yang tidak dibuat apabila tiba masanya.**

Pengurusan Kecederaan

1. Sediakan sistem pengurusan kecederaan berdokumen (keterangan bertulis mengenai langkah-langkah yang akan anda ambil jika berlaku kecederaan di tempat kerja). Ini mestilah merangkumi butir-butir untuk menghubungi orang yang diberi tanggungjawab harian terhadap sistem pengurusan kecederaan ini.
2. Seandainya berlaku kecederaan, susunkan dan laksanakan program kembali bekerja dengan secepat mungkin selepas:
 - doktor yang merawat menyatakan secara bertulis bahawa program tersebut diperlukan; atau

- doktor yang merawat pekerja tersebut menandatangani surat akuan doktor yang menyatakan bahawa pekerja yang tercedera itu sama ada separa mampu bekerja ataupun mampu bekerja tetapi bukannya untuk melakukan pekerjaan yang dijabatnya sebelum tercedera.
3. Jangan isi jawatan pekerja yang tercedera itu selama 12 bulan dari hari pekerja tersebut mendapat hak menerima pampasan. Pekerja tersebut sama ada berhak:
 - kembali menjawat pekerjaan yang dijabatnya sebelum dia tercedera; ataupun
 - jika jawatan tersebut telah diisi atau pekerja tersebut tidak lagi mampu melakukan pekerjaan tersebut, jawatan lain yang layak dan mampu dilakukannya dan yang setaraf dari segi pangkat dan gaji dengan jawatannya sebelum dia tercedera.
 4. Maklumkan pekerja yang tercedera dan WorkCover WA 28 hari sebelum memecat pekerja tersebut, jika majikan ingin memecatnya dalam masa 12 bulan dari tarikh pekerja itu mendapat hak menerima bayaran pampasan.